

Persepsi Tenaga Pengajar Giatmara Terhadap Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja 1994 Serta Pelaksanaannya Di Pusat-Pusat Giatmara Di Johor Selatan

Abd. Wahid Mukhari & Nor Fahmilah Binti Mohd Noor

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi tenaga pengajar di GIATMARA terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994; Bahagian IV, VII dan VIII serta pelaksanaannya di sekitar Johor Selatan, Johor. Akta ini diwartakan pada 24 Februari 1994 yang bertujuan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja di bengkel mahupun industri. Seramai 30 orang tenaga pengajar GIATMARA di sekitar Johor Selatan yang merangkumi daerah Johor Bahru, Pontian dan Batu Pahat telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah set soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik dan mengandungi 23 item yang diukur menggunakan Skala Likert. Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS versi 13.0). Kajian rintis yang dijalankan memperoleh darjah kebolehpercayaan sebanyak $\alpha = 0.722$. Analisis data dilakukan secara frekuensi dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan hamper keseluruhan responden bersetuju dan melaksanakan Bahagian IV akta ini (91.16%), diikuti dengan Bahagian VII dalam akta ini (81.30%), seterusnya Bahagian VIII yang terkandung dalam akta (80.70%) dan akhir sekali terdapat kurang pengetahuan terhadap keseluruhan akta ini secara amnya (79.02%). Bagaimanapun, tenaga pengajar GIATMARA didapati memahami dan melaksanakan akta ini terhadap pelajar dan bengkel.

Katakunci : persepsi tenaga pengajar giatmara, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekarjaan 1994

Pengenalan

Perkembangan industri di negara kita, Malaysia, semakin berkembang maju dan ini menyebabkan negara memerlukan lebih ramai pekerja mahir serta mempunyai kefahaman yang tinggi mengenai keselamatan. Ini adalah penting kerana dengan menjadikan aspek keselamatan sebagai perkara yang utama dapat meningkatkan budaya kerja yang selamat dan terjamin.

Mengutamakan keselamatan berkait rapat dengan individu yang melakukan kerja, penggunaan peralatan atau mesin, tempat kerja itu sendiri serta penglibatan orang awam. Justeru pendidikan yang menjurus kepada gerak kerja amali serta praktikal di Malaysia dipertanggungjawab untuk menerapkan budaya kerja yang selamat bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan dalam setiap pekerjaan sentiasa terjamin.

Keadaan terbaik yang dapat diketengahkan adalah seperti para pelajar di pusat GIATMARA yang menjalankan pengajian mereka hampir secara keseluruhannya di dalam bengkel kerja amali. Aktiviti-aktiviti amali ini mampu mendedahkan mereka kepada risiko kemalangan dan mereka seharusnya didedahkan dengan secara meluas terhadap kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan serta hak-hak mereka dalam aspek ini iaitu berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514). Pendedahan terhadap akta ini haruslah dilakukan oleh barisan tenaga pengajar yang berfungsi sebagai pembimbing di bengkel kerja pelajar.

Di antara kursus di GIATMARA yang mana proses pembelajarannya dilaksanakan dalam bengkel adalah kursus fabrikasi logam, pendawaian elektrik domestik, binaan bangunan, membaiki enjin kereta dan bot, mengetuk dan mengecat kereta, teknologi automotif dan

membaiki motosikal. Kursus-kursus ini memerlukan pelajar sentiasa berada dalam bengkel yang mana sentiasa terdedah kepada bahaya terhadap keselamatan dan kesihatan bagi setiap kerja amali yang dijalankan.

Setiap pekerjaan yang dilaksanakan dalam bengkel mahupun industri adalah tertakluk di bawah perlindungan serta peraturan dalam Akta 514. Ini membuktikan bahawa tenaga pengajar serta pelajar yang terlibat dalam gerak kerja amali di GIATMARA sentiasa dilindungi dari sebarang risiko kemalangan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, penyelidik ingin meninjau persepsi tenaga pengajar di GIATMARA mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dalam Bahagian IV, VII, dan VIII serta pelaksanaannya di bengkel-bengkel amali di GIATMARA. Selain itu, penyelidik juga ingin meninjau sejauh mana pengetahuan tenaga pengajar di GIATMARA terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Bahagian IV, VII, dan VIII.

Objektif Kajian

Objektif yang hendak dicapai melalui kajian ini adalah:

- i. Menenalpasti persepsi tenaga pengajar kerja amali di GIATMARA terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta kepentingan pelaksanaannya.
- ii. Menenalpasti pelaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian IV terhadap bengkel dan pelajar di GIATMARA.
- iii. Menenalpasti pelaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian VII terhadap bengkel dan pelajar di GIATMARA.
- iv. Menenalpasti pelaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian VIII terhadap bengkel dan pelajar di GIATMARA.

Kepentingan Kajian

Kajian ini berfokus kepada Akta Keselamatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994; Bahagian IV, VII dan VIII serta pelaksanaannya di bengkel kerja amali di GIATMARA. Kajian ini memberi kepentingan kepada:

Tenaga pengajar kerja amali di GIATMARA : Kajian ini memberi kelebihan kepada tenaga pengajar bagi kerja amali di GIATMARA agar dapat menentukan batas kerja serta meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sepanjang waktu kerja amali dijalankan. Dengan ini, tenaga kerja yang dihasilkan adalah lebih produktif dan mengamalkan budaya kerja secara selamat yang tinggi.

Pihak GIATMARA : Pihak GIATMARA dapat memanfaatkan kajian ini dengan menjadikan kajian ini sebagai rujukan dalam menghasilkan tenaga kerja yang mengamalkan budaya kerja yang selamat berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta menaikkan nama GIATMARA sebagai pusat pengajian yang mampu menghasilkan tenaga kerja yang selamat dan bermutu tinggi.

Pihak Industri : Diharap dengan kajian ini dapat membuka mata pihak industri akan kebolehan pelajar dari pusat GIATMARA yang dididik dan dipupuk dengan budaya kerja selamat dan sihat dalam bekerja. Hasil didikan tenaga pengajar yang peka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat menghasilkan pelajar yang mampu menjadi tenaga kerja yang produktif sekaligus meningkatkan ekonomi industri negara.

Penyelidik masa akan datang : Kajian ini dilaksanakan juga untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan penyelidik dari segi teori dan amalan tentang tajuk yang dibincangkan, selain dapat membantu perkembangan ilmu akademik. Kajian ini mampu menjadi sumber ilmiah kepada penyelidik lain di masa akan datang.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang sesuai bagi kajian ini ialah kajian deskriptif dalam bentuk tinjauan. Kaedah deskriptif melibatkan aktiviti pengumpulan maklumat daripada pelajar, guru atau mereka yang terlibat dalam proses pendidikan (Roseir,1988).

Kajian ini dilakukan dengan objektif yang jelas, seperti mendapatkan pola tentang sesuatu fenomena secara meluas. Ia tidak dapat menerangkan kajian lanjutan kecuali pola pada satu-satu peringkat masa sahaja. Tetapi, seandainya dirancang dengan betul, kajian ini dapat membantu kajian lanjutan dan memenuhi kehendak penyelidikan seseorang pada masa tersebut.

Menurut Mohd Majid (1994), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini melibatkan pengumpulan data kuantitatif iaitu kajian mengenai latar belakang responden dan mengenalpasti pengetahuan tenaga pengajar di GIATMARA mengenai Akta 514, Bahagian IV, VII dan VIII. Dalam kajian ini, gambaran pelbagai perkaitan mengenai akta ini berdasarkan beberapa persoalan kajian akan dikaji.

Populasi Kajian

Populasi mengikut Mohd Najib (2003:81), ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Pengambilan sampel dari populasi mestilah benarbenar mewakili populasi dan mestilah berupaya mengurangkan ralat pensampelan.

Terdapat tiga jenis reka bentuk pensampelan mengikut Khalid Johari, (2003) iaitu pensampelan rawak, pensampelan bukan rawak dan pensampelan sukarela. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan reka bentuk pensampelan rawak.

Jadual 1 : Bilangan tenaga pengajar di lapan buah pusat GIATMARA di seluruh kawasan Johor Selatan

Daerah	Pusat GIATMARA	Bil. tenaga pengajar
Johor Bahru	PGM Johor Bahru	2
	PGM Pulai	4
	PGM Tebrau	4
	PGM Kulai	7
Pontian	PGM Pontian	6
	PGM Sungai Benut	6
Batu Pahat	PGM Sri Gading	4
	PGM Sulong	7
Jumla responden		40

Bagi kajian ini, penyelidik mengambil saiz bilangan tenaga pengajar bagi lapan buah pusat GIATMARA di sekitar kawasan Johor Selatan yang merangkumi daerah Johor Bahru,

Pontian dan Batu Pahat. Ini merangkumi 4 buah pusat GIATMARA di daerah Johor Bahru, 2 buah pusat GIATMARA di daerah Pontian dan 2 buah pusat GIATMARA di daerah Batu Pahat. Populasi responden di sekitar kawasan Johor Selatan adalah seramai 40 orang seperti dalam Jadual 1.

Jumlah populasi kajian ini adalah seramai 40 orang. Berdasarkan kepada jadual “Determining Sample Size for Research” oleh Krejcie dan Morgan (1970) seperti di Jadual 2, penyelidik harus mengambil sampel seramai 36 orang. Sampel yang diambil ini adalah merupakan responden bagi kajian sebenar yang dijalankan oleh penyelidik.

Jadual 2 : Penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejcie dan Morgan.

Populasi	Sampel
20	19
25	24
30	28
35	32
40	36
45	40
50	44

(Sumber : Krejcie dan Morgan, 1970)

Namun begitu, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, jumlah sampel yang sepatutnya diperolehi adalah sebanyak 36 set hanya berjaya dikumpul oleh penyelidik sebanyak 30 set sahaja. Ini kerana responden daripada pusat GIATMARA Pontian tidak dapat melibatkan diri kerana terlibat dalam program untuk rakyat bagi agenda Pilihanraya Umum negara yang ke 12 dalam jangkamasa yang agak panjang.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah berbentuk soal selidik. Menurut Skager dan Weinberg (1973), soal selidik merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif kerana menerusi kaedah ini kerjasama daripada responden adalah mudah diperolehi. Pembinaan soal selidik ini telah dilakukan berdasarkan kepada kepada beberapa andaian sebagaimana yang dicadangkan oleh Wolf (1988):

- i. Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik dengan baik.
- ii. Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik.
- iii. Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Item-item yang terdapat dalam soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan maklumat latar belakang responden, manakala bahagian B untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian.

Kajian Rintis

Penyelidik telah menghantar set soal selidik kepada seorang pakar dalam bidang berkaitan bagi membolehkan soal selidik diedarkan. Bagi memastikan kebolehpercayaan

instrumen, satu kajian rintis telah dijalankan. Kajian rintis memberi peluang kepada responden untuk memberi komen terhadap instrument kajian (Borg dan Gall, 1979). Kajian rintis adalah penting bagi mengetahui tahap kebolehpercayaan sesuatu soal selidik sebelum kajian diteruskan kepada responden sebenar.

Kajian rintis membolehkan penyelidik mengenalpasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian, seterusnya membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian (Sprinthall et.al.1991). Keputusan yang diperolehi daripada kajian rintis yang dijalankan akan menentukan kebolehpercayaan soal selidik yang diedarkan. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti perkara-perkara berikut :

- i. Mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan item yang digunakan.
- ii. Mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat.
- iii. Mengetahui kesesuaian item-item yang digunakan.
- iv. Mengetahui sejauh mana responden memahami kehendak item.

Kajian rintis telah dijalankan oleh penyelidik di Pusat GIATMARA Batu Pahat, Johor. Soal selidik telah diagihkan kepada tenaga pengajar di pusat GIATMARA tersebut. Jumlah sebenar responden yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah seramai 6 orang. Namun begitu, atas sebab masalah kesihatan, salah seorang daripada responden tidak dapat menghadiri diri menjadikan jumlah responden bagi kajian rintis ini adalah seramai 5 orang sahaja.

Penyelidik telah mengagihkan set soal selidik kepada tenaga pengajar dengan menghadiri diri ke pusat GIATMARA Batu Pahat untuk mengedar serta mengumpul semula soal selidik. Penyelidik hanya mengambil masa satu jam sahaja untuk mengedar dan mengumpul semula set soalan.

Berdasarkan kajian rintis, nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi kesemua 23 item ialah 0.722. Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), menyatakan bahawa kajian penyelidikan yang mencapai nilai *Alpha Cronbach* melebihi daripada 0.6 adalah merupakan item kajian yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi. Maka dengan ini item-item yang dibina dalam soal-selidik boleh dipercayai dan boleh diterima pakai oleh penyelidik. Manakala, menurut Majid Konting (1994) hanya item yang menunjukkan skor *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.6 sahaja yang akan diterima pakai dalam sesuatu kajian penyelidikan.

Analisis Keseluruhan

Sebagai kesimpulannya untuk menjawab pernyataan masalah yang telah ditimbulkan di awal kajian penyelidikan ini, jadual di bawah akan menunjukkan taburan peratusan min bagi setiap persoalan kajian.

Jadual 3 ditunjukkan bagi menjawab pernyataan masalah yang telah ditimbulkan dalam kajian penyelidikan ini iaitu tahap pengetahuan tenaga pengajar di GIATMARA terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta kepentingan pelaksanaannya dalam bentuk peratusan.

Bagi persoalan kajian 1, peratus tertinggi adalah dicatatkan untuk responden yang bersetuju bahawa mereka maklum akan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta kepentingan pelaksanaannya iaitu sebanyak 79.02 peratus, manakala 11.88 peratus untuk responden yang tidak pasti dan hanya sejumlah 7.61 peratus responden yang tidak setuju.

Jadual 3 : Taburan Peratusan Skala Pemeringkatan 3 mata bagi Setiap Persoalan Kajian

Persoalan Kajian	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju(%)
Adakah tenaga pengajar di GIATMARA maklumkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta kepentingan pelaksanaannya?	7.61 %	11.88 %	79.02 %
Adakah tenaga pengajar melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian IV terhadap bengkel dan pelajar di GIATMARA?	0.94 %	7.21 %	91.16 %
Adakah tenaga pengajar melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian VII terhadap bengkel dan pelajar di GIATMARA?	4.01 %	10.66 %	81.30 %
Adakah tenaga pengajar melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian VIII terhadap bengkel dan pelajar di GIATMARA?	2.64 %	17.36 %	80.70 %
Jumlah Purata	4.64 %	11.78 %	83.05 %

Untuk persoalan kajian 2 pula, peratus tertinggi adalah dicatatkan untuk responden yang bersetuju bahawa mereka melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian IV terhadap bengkel dan pelajar iaitu sebanyak 91.16 peratus, 7.21 peratus responden tidak pasti dan hanya seramai 0.94 responden yang tidak melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian IV ini terhadap bengkel dan pelajar.

Untuk persoalan kajian 3 pula, peratus tertinggi adalah dicatatkan untuk responden yang bersetuju bahawa mereka melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian VII terhadap bengkel dan pelajar iaitu sebanyak 81.30 peratus, 10.66 peratus responden tidak pasti dan hanya terdapat 4.01 peratus responden yang tidak bersetuju.

Akhirnya, bagi persoalan kajian 4, skor paling tinggi dicatatkan oleh responden yang setuju dalam melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian VIII terhadap bengkel dan pelajar iaitu sebanyak 80.7 peratus, diikuti dengan 17.36 peratus responden tidak pasti dan peratusan paling rendah adalah 2.64 peratus untuk responden yang tidak setuju.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tenaga pengajar GIATMARA maklumkan akan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Bahagian IV, VII dan VIII serta kepentingan pelaksanaannya terhadap bengkel dan pelajar iaitu sebanyak 83.05 peratus. Walaupun masih ada segelintir tenaga pengajar yang tidak pasti akan pelaksanaan akta

ini sebanyak 11.78 peratus responden, namun hampir tiada tenaga pengajar yang tidak maklum terhadap akta ini iaitu sebanyak 4.64 peratus sahaja.

Kesimpulannya, analisis yang dijalankan ini membuktikan juga bahawa secara keseluruhannya, tenaga pengajar di GIATMARA sedar akan kepentingan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta melaksanakan akta ini terhadap pelajar dan bengkel dalam pengajaran mereka seharian berdasarkan aktiviti amali yang dijalankan di bengkel hampir keseluruhannya.

Perbincangan

Rumusan kajian ini dibuat berpandukan kepada seluruh aspek dalam penyelidikan yang telah dilaksanakan bagi mengetahui tahap pengetahuan tenaga pengajar di GIATMARA terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Bahagian IV, VII dan VIII di sekitar Johor Selatan, Johor. Elemen utama yang dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini adalah berkaitan dengan tahap pengetahuan tenaga pengajar itu sendiri terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta pelaksanaannya terhadap pelajar dan bengkel.

Berdasarkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) yang mengandungi 15 bahagian merupakan langkah pemboleh yang bertindih di atas undang-undang keselamatan dan kesihatan sedia ada seperti Akta Kilang dan Jentera 1967 (JKKP 1994:1). Akta ini merupakan satu akta yang meletakkan garis panduan terhadap pekerjaan terutama kerja-kerja industri dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan pekerjaan itu sendiri agar terpelihara dari sebarang bahaya.

Daripada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ini, penyelidik telah memfokuskan kajian terhadap akta ini secara amnya serta memfokuskan bahagian IV, VII dan VIII yang terdapat dalam akta. Bahagian IV adalah mengenai kewajipan am majikan, bahagian VII merangkumi organisasi keselamatan dan kesihatan manakala bahagian VIII meliputi pemberitahuan kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan, penyakit pekerjaan dan siasatan.

Penyelidik telah memilih tenaga pengajar di pusat-pusat GIATMARA di sekitar kawasan Johor Selatan di negeri Johor yang merangkumi daerah Johor Bahru, Pontian dan Batu Pahat sebagai responden kajian. Tenaga pengajar di GIATMARA dipilih secara rawak berdasarkan sesi pengajaran mereka yang secara keseluruhannya berpusatkan gerak kerja amali yang dijalankan dalam bengkel. Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum (1990), bengkel merupakan satu ruang yang digunakan oleh guru bagi sesi pengajaran untuk pelajar melaksanakan kerja amali. Bengkel kerja amali adalah permulaan bagi pelajar untuk melatih diri dengan situasi kerja yang bakal dihadapi apabila memasuki alam pekerjaan.

Di bengkel kerja, pelajar didedahkan dengan peralatan tangan dan mesin yang memungkinkannya berhadapan dengan bahaya. Empat faktor utama yang menyebabkan berlakunya kemalangan ketika kerja bengkel adalah penyelia kurang mahir mengurus, kurang menegas serta memperkukuh langkah-langkah keselamatan dan kurang pengetahuan mengenai tugas menyelia (Booley, 1977). Oleh itu, menjadi tanggungjawab tenaga pengajar untuk membimbing, menasihati dan menjadi fasilitator kepada pelajar serta peka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan mereka.

Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh beberapa pihak iaitu pihak GIATMARA, tenaga pengajar di GIATMARA, pihak industri, penyelidik di masa akan datang dan penyelidik sendiri. Kajian ini juga terlaksana daripada empat objektif kajian yang dapat memenuhi kehendak kajian beserta empat persoalan kajian yang merangkumi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

1994; Bahagian IV, VII dan VIII serta kepentingan pelaksanaannya. Definisi istilah juga dihuraikan untuk pemahaman yang lebih terhadap kajian ini.

Keselamatan dan kesihatan dapat didefinisikan dalam dua maksud yang berbeza. Keselamatan adalah keadaan atau kaliti yang tidak membawa risiko (*Webster*). Menurut OHSAS 8002 pula, kesihatan merupakan keadaan tubuh badan atau emosi samada berada dalam keadaan baik ataupun tidak. Walaupun keselamatan dan kesihatan merupakan dua keadaan yang berbeza, namun kedua-dua aspek ini merupakan tunggak kepada kesempurnaan setiap jenis aktiviti kerja dalam sesuatu pekerjaan.

Bahaya (*hazards*) dan risiko dalam pekerjaan adalah dua perkara yang amat berbeza. Bahaya boleh berada daripada lantai sehingga ke peralatan yang boleh mencederakan manusia (Charles, 2004). Berbeza dengan bahaya, sumber dari OHSAS 8002 pula menyatakan bahawa risiko adalah gabungan kepada faktor-faktor, dedahan serta impak terhadap bahaya. Namun begitu, gabungan keadaan bahaya dan risiko dalam sesuatu pekerjaan mampu memberi impak yang mendalam terhadap kesan produktif sesuatu pekerjaan.

Kajian rintis telah dijalankan oleh penyelidik di pusat GIATMARA Batu Pahat, Johor. Hasil kajian rintis yang dijalankan, nilai *Alpha Cronbach* diperolehi iaitu sebanyak 0.722. Nilai *Alpha* ini menunjukkan bahawa soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan kuat. Oleh itu, penyelidik meneruskan proses mengutip data bagi kajian sebenar menggunakan maklumat set soal selidik yang sama.

Akhir sekali, setelah mengumpul semula kesemua set soal selidik, penyelidik menganalisis data menggunakan perisian SPSS versi 13.0 untuk memprolehi jumlah frekuensi dan peratus kajian.

Rujukan

- Abdul Rahman Aziz (2000). *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Asfahl, C. Ray (2004). *Industrial Safety and Health Management. Fifth Edition*. Upper Saddle River, N.J: Pearson Education, Inc.
- Bolley. J.W. (1977). *A Guide to Effective Industrial Safety*. U.S.A.: Gulf publishing Co. Texas.
- Borg, Walter R. and Gall, Meredith D. (1979). *Educational Research: An Introduction*. New York: Longman.
- Easter et. al (2004). *Enhancing Occupational Safety and Health*. Oxford, UK: Elsevier Butterworth-Heinemann Publications.
- Ee Ah Meng. (1990). *Pedagogi satu pendekatan bersepadu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Anne Marie et. al (1998). *Occupational Injury, Risk Prevention*. Taylor and Francis Publishers.
- Heinrich, H.W et. al (1980). *Industry Accident Prevention: A safety Management Approach*. New York: McGraw Publisher.
- James B. Fullman, PE (1984). *Construction Safety, Security and Loss Prevention*. A Wiley – Interscience Publication.
- James, D. W. B, MIOSH (1983). *A Safe Place at Work*. USA: Butterworth & Co (Publishers) Ltd.
- Kamus Dewan Dan Pustaka (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum (1990). *Sukatan Pelajaran Teknologi Kejuruteraan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Sumber Manusia (2007, 16 April). *Pelan Tindakan Kecemasan, Polisi dan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Peringkat UiTM*. Diperolehi pada 8 Jun 2007 daripada <http://www.mohr.gov.my>.
- Khalid bin Johari (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan : Konsep dan Prosedur*. Petaling Jaya : Prentice Hall .
- Kjellen, Urban (1983). *Occupational Accident Research*. Amsterdam: Elsevier.
- Langley, Sir. (1969). *Safety Education and Training Safety on Construction Site*. London: The Institution of Civil Engineering.
- Mat Rebi Abdul Rani, Mohd Zubil Bahak (2004). *Melaksanakan Pengurusan Keselamatan Menyeluruh*. UTM Skudai.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka bentuk Tinjauan : Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- OHSAS 18002: (1999) *Occupational Health and Safety Management System – Specification*. Occupational Safety and Health Assessment Series.
- Peruntukan Utama Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (1994). Penerbitan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994.
- Reese, Charles. D. (2004). *Office Building Safety and Health*. CRC Press, LLC.
- Ridley, John (1983). *Safety at Work*. England: Butterworth & Co (Publishers) Ltd.
- Rosier, M. J. (1988). *Survey Research Methods, in Keeves, J. P. (Ed), Educational Research Methodology and Measurement: An International Handbook*. Oxford: Pergamon Press.
- Sprinthall et. al (1991). *Understanding Educational Research*. Eglewood Cliffs, N. J: Prentice Hall.
- Aaron, J.E. et. al (1980). *Fundamentals of Safety education. Third Edition*. New York: McMillan publishing Co. Inc.
- Undang-undang Malaysia. Akta Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan 1994.
- Undang-undang Malaysia. Akta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1967.
- Wolf, R. M. (1988). *Questionnaires, in Keeves, J. P. (Ed), Educational Research Methodology and Measurement: An International Handbook*. Oxford: Pergamon Press.
- Woods, P.F. (1976). *Fundamentals of Welding Skills*. London: The Mac Milland Press Ltd.